

TR: 1.4.1966

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI PERTAHANAN DI UPACARA
PERBARISAN TAMAT LATIHAN AMBILAN YANG
KEDUA DI PUSAT LATIHAN PASUKAN
SETIA NEGARA, KUALA TERENGGANU
PADA 5 APRIL, 1966.**

Tuan-tuan,

Saya berasa sukacita kerana berpeluang hadir di Pusat Latihan Pasukan Setia Negara di Kuala Terengganu ini pada hari ini, iaitu hari Upacara Tamat Latihan. Kamu semua adalah dari kumpulan yang kedua yang telah dapat latihan tentera di Pusat Latihan ini yang telah dibuka pada 15 November tahun lepas. Pusat latihan ini melatih tidak kurang 200 orang pada tiap-tiap dua bulan.

Pusat latihan ini ialah yang ketiga dibina untuk menjalankan dasar kerajaan melatih pemuda-pemuda dalam ilmu ketenteraan bagi menjadikan kamu semua warganegara yang bertanggungjawab dalam pertahanan negara kita yang merdeka dan berdaulat ini. Pusat latihan yang pertama ialah di Siginting, Port Dickson, yang dibuka pada bulan Ogos 1964. Pusat latihan itu sekarang boleh melatih tidak kurang 700 orang pada tiap-tiap dua bulan. Pusat latihan yang kedua ialah di Ipoh yang dibuka pada 15 Julai 1965. Pusat latihan ini boleh melatih tidak kurang daripada 200 orang pada tiap-tiap dua bulan. Dengan adanya pusat latihan di Kuala Terengganu pemuda-pemuda panggilan dari negeri Terengganu tidak payahlah pergi keluar daripada negeri Terengganu kerana menjalankan kewajipannya. Kita sudah dapat melatihkan tidak kurang daripada 4,500 orang. Dalam pertengahan tahun ini satu lagi pusat latihan akan dibuka di Pulau Pinang dan tidak berapa lama selepas ini satu lagi di Johor akan dibuka.

Kamu semua tentulah sekarang sudah tahu yang negeri kita ini sekarang adalah dalam keadaan darurat - dan sangat-sangat mustahak bagi pemuda-pemuda kita diberi latihan tentera supaya dapat negara kita mempertahankan daulat dan kemerdekaan. Sung-

guhpun dalam melawan konfrontasi Indonesia kita dapat pertolongan dari sahabat-sahabat kita tetapi sebagai negara yang merdeka dan berdaulat pertahanan negara adalah kewajiban warganegara-warganegara ini. Dengan kesadaran itu kita telah menjalankan kerahan tenaga rakyat ini supaya pemuda-pemuda semuanya ada dalam keadaan persediaan bila-bila masa dikehendakkan.

Kamu semua yang ada di sini daripada berbagai-bagai bangsa dan agama telah menjalankan latihan tentera dalam masa dua bulan yang lepas dengan sangat cergas dan memberi puas hati. Selain daripada latihan tentera yang telah tuan-tuan jalankan itu saya sangat sukacita kerana kamu semua telah juga menunjukkan yang semua kaum di negeri ini boleh duduk dengan aman, faham dan timbang rasa antara satu dan lain dan boleh bertolak ansur. Dengan adanya semangat bersatupadu antara semua penduduk-penduduk di negeri ini tidak syak lagi kita yang senantiasa cintakan aman dan damai dapat mengatasi segala ancaman daripada semua pihak.

Dalam latihan yang telah kamu semua jalankan dalam masa dua bulan di sini kamu semua telah mempelajari dan dapat memasukkan dalam semangat kamu semua perkara-perkara yang berguna kepada kamu semua apabila kamu semua balik ke kampung masing-masing. Saya harap kamu semua akan mengamalkan semangat disiplin itu dan memberi teladan kepada orang-orang di tempat kamu semua dan juga saya harap kamu semua tidak menjauhkan diri kamu semua daripada mencampuri rancangan-rancangan pertahanan ataupun kawalan-kawalan keselamatan di tempat kamu semua. Pada akhirnya saya ucapkan selamat maju jaya kepada kamu semua dan saya percaya kamu semua tidak ragu-ragu menyambut seruan negara dari satu masa ke satu masa bagi mempertahankan kedaulatan tanahair kita yang aman dan makmur ini.